

90 keluarga terima sumbangan YSHHB



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB menyerahkan sumbangan kewangan dan hamper barangan makanan kepada penerima.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB menyerahkan sumbangan kepada penerima.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Jun. - Keindahan lebaran setentunya perayaan yang dinanti dalam meraikan kemenangan umat Islam menempuh cabaran pada bulan Ramadan.

Dalam suasana meraikan Aidilfitri, bagi golongan yang memerlukan setentunya merasai serba kekurangan untuk menikmati suasana kegembiraan

itu nanti.

Sumbangan itu, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pada tahun ini mengukaykahkan Program Ihsan YSHHB bagi membantu golongan-golongan tersebut terutama dalam meraikan Hari Raya yang hanya tinggal beberapa hari saja lagi.

Seramai 41 buah keluarga yang terdiri daripada warga emas dan

keluarga yang memerlukan bantuan dari beberapa buah kampung di Daerah Tutong menerima sumbangan kewangan dan hamper barangan makanan.

Majlis penyampaian yang berlangsung di Dewan Keadaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong disampaikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Apong selaku

Penghulu Mukim Tanjong Maya dan Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai.

Salah seorang penerima bagi warga emas, Awang Md. Ali Anuar bin Abdullah Gudang, 68 tahun menzahirkan rasa syukur atas sumbangan yang diterima yang sedikit sebanyak dapat membantu dalam meringankan perbelanjaan

menyambut lebaran nanti.

Beliau dari Kampung Rampau, Jalan Bukit Ukong dan mempunyai masalah pendengaran itu hanya menerima elau pencen tua sebanyak BND250 sebulan dengan menyara isteri dan seorang anaknya.

Selain itu, katanya, sebahagian sumbangan derma itu juga nanti akan disimpan bagi perbelanjaan harian dan keperluan yang akan datang.

Sementara itu, di Daerah Belait, sumbangan daripada YSHHB kepada 49 buah keluarga di daerah tersebut disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB yang diadakan di Masjid Al-Mashor, Kampung Sungai Mau, di sini.

Selaras dengan dasar penubuhan YSHHB dalam memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang memerlukan bantuan, sumbangan tersebut bertujuan bagi membantu mereka dalam menyediakan keperluan keluarga pada bulan Ramadan supaya mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan sempurna dan memberikan keceriaan kepada mereka dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

Berusaha melibatkan diri ke arah kebaikan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pertemuan Belia dan Kepimpinan Belia Ramadan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

LUMAPAS, Isnin, 3 Jun. - Golongan belia selaku generasi pemimpin pada masa akan datang diseru untuk mengambil inisiatif melibatkan diri dengan sesuatu yang boleh meningkatkan iman dan menguatkan diri dengan ilmu dan sistem sokongan (*support system*) yang sentiasa membawa kepada kebaikan dan sikap positif.

Di samping itu, apa saja peluang yang datang kepada mereka merupakan rezeki dari Allah Subhanahu Wata'ala untuk mereka

belajar menjadi pemimpin dan menerima cabaran memperbaiki diri.

Perkara tersebut antara yang diutarakan pada Majlis Pertemuan Belia dan Kepimpinan Belia Ramadan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi yang berlangsung di Masjid Kampung Lumapas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan dan Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji

Said.

Dua ahli panel jemputan iaitu Penolong Pensyarah Pusat Ilmu Teras Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPUSB), Awang Nazirul Mubin bin Ahad dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Siti Julaiha binti Puasa telah mengongokan ilmu dan pengalaman serta buah-buah fikiran yang boleh dijadikan panduan ke arah menjadi seorang belia yang berwawasan.

Perkumpulan seumpamanya merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sebagai salah satu usaha

JKR - Blondal (B) tidak ada perjanjian rasmi

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Jun. - Berikut maklumat viral baru-baru ini mengenai seorang kakitangan Syarikat Blondal (B) Sdn. Bhd. dan seorang warga Brunei yang menyamar sebagai kakitangan Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya (JKR) yang mengunjungi beberapa buah rumah dan mengajukan beberapa soalan, JKR ingin maklumkan orang ramai bahawa Jabatan Perkhidmatan Air tidak sama sekali mempunyai perjanjian kerja rasmi dengan Syarikat Blondal (B) Sdn. Bhd.

JKR juga ingin mengambil kesempatan ini untuk maklumkan kepada orang ramai, terutamanya kakitangan syarikat swasta bahawa penyamaran sebagai anggota atau pegawai kerajaan adalah menjadi satu kesalahan dan boleh didakwa di bawah Undang-undang Negara Brunei Darussalam mengikut Seksyen 170 dan Seksyen 171, Bab 22 (Penal Code), yang boleh membawa hukuman penjara hingga tempoh tiga atau tujuh tahun juga denda, jika sabit kesalahan.

Di samping itu, jabatan ini juga ingin menasihati orang ramai untuk melaporkan sebarang aktiviti yang tidak berpatutan / mencurigakan / tanpa kebenaran, berkaitan dengan JKR terus ke Talian Darussalam 123.

Akhir sekali, pihak jabatan terlebih dahulu ingin memohon maaf bagi segala insiden yang tidak diduga ini dan sangat menghargai kesabaran orang ramai yang terjerjas.

menyatupadukan para belia dan kepimpinan belia di dalam satu forum membicarakan 'Menuju Belia Rabbani'.

Majlis diteruskan dengan bertahil dan terbuka puasa, diakhiri dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

SEORANG ahli panel forum, Penolong Pensyarah Pusat Ilmu Teras Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan, Awang Nazirul Mubin bin Ahad menyampaikan perkongsian belia dalam forum bertajuk 'Menuju Belia Rabbani'.

